

# Peraduan NESCAFÉ® BIG RACE™

## 01/03/2008 - 31/03/2008

### Syarat & Peraturan Peraduan

#### Penganjur & Kelayakan Mengambil Bahagian

- 1 “Peraduan NESCAFÉ® BIG RACE™” [“Peraduan”] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“pihak Penganjur”] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas pada 01/03/2008.
- 2 Individu yang tergolong dalam mana-mana kumpulan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
  - (a) Kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - (b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

#### Tempoh

- 1 Peraduan ini akan berlangsung dari 01/03/2008 hingga 31/03/2008 [“Tempoh Peraduan”]. Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

#### Borang Penyertaan & Kriteria Kelayakan

- 1 Dengan setiap pembelian pek promosi 6 [enam] tin Kopi NESCAFÉ® perisa Original, Mocha atau Latte, anda layak menyertai Peraduan ini.
- 2 Bukti pembelian untuk Peraduan ini ialah bungkusan original pek promosi 6 [enam] tin Kopi NESCAFÉ® dengan nombor kod 6 [enam] angka yang tercetak di bungkusan [“Bukti Pembelian”]. Setiap nombor kod 6 [enam] angka daripada Bukti Pembelian hanya sah untuk 1 [satu] penyertaan sistem pesanan ringkas [“SMS”].
- 3 Setiap penyertaan SMS yang dihantar ke 36300 mesti dilengkapi dengan kod Peraduan, nombor KP baru, nombor kod 6 [enam] angka daripada Bukti Pembelian, dan jawapan betul kepada 1 [satu] soalan yang ditunjukkan dalam Bukti Pembelian.

#### Sebagai contoh:

- Taip “NBR [kod Peraduan]<jarak>860925105528 [nombor KP baru]<jarak>123456 [nombor kod 6 [angka] daripada Bukti Pembelian]<jarak>A [jawapan A, B, C atau D kepada 1 [satu soalan] dan hantarkan ke 36300.
- 4 Setiap SMS yang dihantar akan dikenakan premium **RM0.30** tidak termasuk caj biasa yang dikenakan pengendali talian.
  - 5 Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan SMS yang dikehendaki sepanjang Tempoh Peraduan tetapi setiap penyertaan SMS mesti dilengkapi dengan semua butiran yang diperlukan serta Bukti Pembelian untuk melayakkan diri. Penyertaan SMS yang tidak lengkap, tidak tepat dan penyertaan SMS dengan jawapan yang salah akan dibatalkan.
  - 6 Peserta **MESTI** menyimpan Bukti Pembelian dengan nombor kod 6 [enam] angka untuk digunakan dalam pengesahan pemenang dan tuntutan hadiah selepas keputusan diumumkan.

#### Hadiah-hadiah

- 1 Hadiah-hadiah untuk peraduan ini terbahagi kepada 2 [dua] kategori.
- 2 10 [Sepuluh] Hadiah Mingguan X 4 minggu:
- (a) Terdapat sejumlah 10 [sepuluh] Hadiah Mingguan untuk dimenangi selama 4 [empat] minggu sepanjang Tempoh Peraduan.
- (i) Setiap penyertaan SMS yang layak diterima setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan akan diberikan nombor bersiri berasaskan waktu penerimaan. Pemenang-pemenang 10 [sepuluh] Hadiah Mingguan akan ditentukan dengan membahagikan total nombor bersiri mingguan dengan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri yang menang. Nombor bersiri yang menang ialah nombor bulat terdekat lebih rendah yang diperolehi dari hasil pembahagian tersebut.
- Sebagai contoh:
- Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Minggu 1 [satu] ialah 9997, maka jumlahnya dibahagikan dengan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri yang menang. Penyertaan-penyertaan dengan nombor bersiri ke-999 sebagai pemenang yang pertama, nombor bersiri ke-1998 sebagai pemenang kedua, nombor bersiri ke-2997 sebagai pemenang ketiga dan seterusnya.
- (ii) Nombor-nombor bersiri yang menang akan memenangi Hadiah Mingguan berupa baucar tambah kredit telefon bimbit bernilai RM100 [Ringgit Malaysia seratus] setiap satu.
- (b) Setiap peserta boleh memenangi 1 [satu] hadiah untuk setiap minggu sahaja.
- 3 13 [Tiga Belas] Hadiah Utama:
- (a) Terdapat sejumlah 3 [tiga] Hadiah Utama dan 10 [sepuluh] Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
- (i) Setiap penyertaan SMS yang layak diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan diberikan nombor bersiri berasaskan waktu penerimaan. Pemenang-pemenang 3 [tiga] Hadiah Utama dan 10 [sepuluh] Hadiah Sagu Hati akan ditentukan dengan membahagikan total nombor bersiri dengan 3 [tiga] dan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri yang menang. Nombor bersiri yang menang ialah nombor bulat terdekat lebih rendah yang diperolehi dari hasil pembahagian tersebut.
- Sebagai contoh:
- Jika jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan sepanjang Tempoh Peraduan ialah 39997, maka jumlahnya dibahagikan dengan 3 [tiga] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri yang memenangi Hadiah Utama dan dengan 10 [sepuluh] untuk memperolehi nombor-nombor bersiri yang memenangi Hadiah Sagu Hati. Pemenang-pemenang 3 [tiga] Hadiah Utama adalah penyertaan-penyertaan dengan nombor bersiri ke-13332 sebagai pemenang yang pertama, nombor bersiri ke-26664 sebagai pemenang kedua dan nombor bersiri ke-39996 sebagai pemenang ketiga. Pemenang-pemenang 10 [sepuluh] Hadiah Sagu Hati adalah penyertaan-penyertaan dengan nombor bersiri ke-3999 sebagai pemenang yang pertama, nombor bersiri ke-7998 sebagai pemenang kedua, nombor bersiri ke-11997 sebagai pemenang ketiga dan seterusnya.
- (ii) 3 [Tiga] nombor-nombor bersiri yang menang akan memenangi Hadiah Utama berupa wang tunai RM5000 [Ringgit Malaysia lima ribu] setiap satu.
- (iii) 10 [Sepuluh] nombor-nombor bersiri yang menang akan memenangi Hadiah Sagu Hati berupa pakej kereta kawalan jauh 1/10 XB Subaru Impreza WRC

Monte Carlo '07 bernilai RM1300 [Ringgit Malaysia seribu tiga ratus] setiap satu.  
Harga Hadiah Sagu Hati adalah betul pada masa pencetakan.

- (b) Setiap peserta boleh memenangi 1 [satu] Hadiah Utama sahaja. Jika seseorang pemenang memenangi 2 [dua] atau lebih hadiah dengan nilai yang berbeza, maka dia akan secara automatik memenangi hadiah dengan nilai lebih tinggi. Hadiah dengan nilai lebih rendah akan dimenangi oleh peserta dengan nombor bersiri lebih tinggi yang berikutnya.

4 Tuntutan Hadiah:

- (a) Untuk mengesahkan dan menuntut Hadiah Mingguan atau Hadiah Utama selepas pemenang diumumkan, setiap pemenang MESTI menghantar Bukti Pembelian original dengan nombor kod 6 [enam] angka yang digunakan dan butiran lain yang dikehendaki, yang akan dimaklumkan kepada pemenang, dalam tempoh 7 [tujuh] hari kerja dari penerimaan pemberitahuan, menerusi pos berdaftar atau kurier ke alamat yang akan diberi dalam pemberitahuan berkenaan. Bukti Pembelian yang rosak dan/atau kegagalan memberikan Bukti Pembelian dan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan penyertaan dibatalkan. Bukti pengeposan bukan bukti penerimaan oleh Penganjur.
- (b) Untuk layak menuntut hadiah-hadiah, nombor kod 6 [enam] angka pada Bukti Pembelian original MESTI SEPADAN dengan nombor kod 6 [enam] angka Bukti Pembelian penyertaan SMS yang menang. Selepas memastikan dan mengesahkan Bukti Pembelian daripada pemenang, hadiah-hadiah akan dihantar kepada pemenang-pemenang menerusi pos berdaftar dalam tempoh 6-8 minggu. Semua Bukti Pembelian yang tidak boleh disahkan akan dibatalkan dan hadiah akan ditarik balik.

5 Pemenang akan dimaklumkan menerusi SMS atau dihubungi melalui nombor yang diberikan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab jika pemenang tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab sekalipun. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 3 [tiga] bulan dari tarikh pemberitahuan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi pos kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima. Senarai pemenang juga akan diumumkan di laman web Penganjur [[www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my)].

6 Pihak Penganjur berhak, dengan mutlaknyanya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua hadiah tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

7 Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengurus dan/atau menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang mengiringi baucar berkenaan, jika ada.

**Liabiliti & Tanggungjawab**

- 1 Pemenang akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] kerana mengambil bahagian dalam Peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini.
- 2 Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

**Hak Penganjur**

- 1 Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

**Terma & Syarat**

- 1 Syarat & Peraturan Peraduan ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya wujud ketidakseragaman antara 2 [dua] versi tersebut, maka, Syarat & Peraturan Peraduan dalam Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan rasmi dan diguna pakai.
- 2 Keputusan pengadil adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 3 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan Peraduan ini, serta keputusan pihak Penganjur.